

09/12/1998

Jangan terpedaya tipu muslihat Amerika

Mubarak Mohamed

BENUA Asia dilanda krisis yang amat getir. Kemerosotan ekonomi adalah antara satu daripada krisis itu. Kebanyakan negara Asia mula mencari jalan keluar daripada masalah ini.

Pada masa ini negara Barat datang seperti penyelamat datang membantu kita dengan kononnya mereka ada resipi untuk menyelamatkan negara daripada dilanda kemerosotan ekonomi yang lebih parah. Mereka kononnya tidak sanggup melihat Asia terkapai-kapai tanpa sebarang haluan. Pada firasat mereka inilah masa keemasan untuk menjajah negara Asia tanpa sebarang kekerasan seperti yang dibuat oleh nenek moyang mereka.

Menerusi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), mereka berpendapat kononnya boleh menyelesaikan kemelesetan ekonomi. Sebaliknya apa yang berlaku negara yang menerima bantuan itu semakin parah, lihat sajalah apa yang mereka lakukan kepada Indonesia.

Mereka datang sebagai penyelamat dengan hati yang penuh dengan tipu muslihat. Dengan kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau menolak bantuan IMF. Tetapi mereka tetap tidak putus asa. Mereka mencuba dari dalam untuk melemahkan negara kita. Kaji sajalah ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat Al-Gore ketika menghadiri sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) lalu. Mereka tidak pedulikan apa saja asalkan niat mereka tercapai. Bagi negara yang tidak mengikut telunjuk mereka seperti Iran, Iraq dan Libya, mereka cuba menindas negara itu dengan pelbagai sekatan sehingga pemimpin negara berkenaan menurut telunjuk mereka. Mereka juga yang melaungkan keamanan dan mereka jugalah penghancur dunia.

Apa yang terjadi pada Iraq? Pemeriksaan senjata dilakukan bertahun-tahun di Iraq tetapi sekatan tetap tidak dimansuhkan, malah mereka cuba membuli negara itu dengan ugutan. Ramai bayi dan kanak-kanak yang tidak berdosa mati setiap hari.

Mereka cuba berlagak seperti polis dunia yang tidak diiktiraf oleh dunia. Adakah kerana kemajuan yang mereka miliki menjadikan mereka begitu takbur? Masalah dalaman belum selesai, masalah luar pula yang dilihat. Nasihat saya pada mereka ialah jangan suka jaga tepi kain orang dan ingatlah tuhan amat berkuasa dari segala-galanya.

Marilah bangun dan celikkan mata wahai warga Asia untuk tidak terpedaya dengan tipu muslihat barat dan lengkapkan diri untuk mengatasi sebarang sekatan daripada mereka.

Saya percaya pada suatu hari Asia akan muncul sebagai benua yang paling maju. Oleh itu marilah kita bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kegemilangan.